

RINGKASAN KESELURUHAN

LKAN 2021 SIRI 2

AUDITAN KHAS PENGURUSAN HUTAN DAN IMPAK KEPADA ALAM SEKITAR, AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI KELANTAN

PENGAUDITAN AKTIVITI JABATAN DAN AGENSI NEGERI

3

KAJIAN

8

JABATAN/AGENSI

3

PROJEK/PROGRAM/
AKTIVITI

1 PROJEK

Pembangunan Tanah Komersial Secara Usaha Sama Oleh PBT

- Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP)
- Majlis Daerah Bachok (MDB)
- Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM)
- Majlis Daerah Tumpat (MDT)

2 PROGRAM/AKTIVITI

Pengurusan Hutan & Impak Kepada Alam Sekitar

- Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan (JPNK)

Pengurusan Pemberimilikan Tanah Kerajaan

- Pejabat Pengarah Tanah & Galian Negeri Kelantan (PTG)
- Pejabat Tanah & Jajahan Gua Musang (PTJGM)
- Pejabat Tanah & Jajahan Jeli (PTJJ)

Tunggakan Hasil **RM22.34 juta**

- **RM18.59 juta** hasil hutan tidak dikutip.
- **RM0.37 juta** premium dan cukai tanah di PTJGM & PTJJ.
- **RM3.38 juta** cukai taksiran dan cukai tanah di MDPP & MDB.



Pencapaian Objektif/ Keberhasilan

1

Pengurusan Hutan & Impak Kepada Alam Sekitar

- Sasaran hasil hutan tidak mencapai sasaran bagi 5 daripada 6 tahun
- Pengeluaran kayu Projek Pembangunan Ladang Hutan belum tercapai.

[Infografik Terperinci Pengauditan Khas Hutan di Muka Surat 15]

2

Pengurusan Pemberimilikan Tanah Kerajaan

- 64.7% tanah yang diberi milik telah dibangunkan dalam tempoh ditetapkan

3

Pembangunan Tanah Komersial Secara Usaha Sama Oleh PBT

- Hanya 10% projek usaha sama yang dirancang siap

RUMUSAN AUDIT

Pencapaian
Objektif/
Keberhasilan
Projek

TIDAK
TERCAPAI
SEPENUHNYA

21
SYOR
AUDIT

PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI



PEJABAT MENTERI BESAR DAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PERBADANAN PEMBANGUNAN LADANG RAKYAT NEGERI KELANTAN (PPLRNK)

MAJLIS DAERAH PASIR MAS (MDPM)



OBJEKTIF PENGAUDITAN

Menentukan pematuhan terhadap undang-undang, perjanjian dan peraturan kewangan yang ditetapkan dan berkuat kuasa serta rekod berkaitan diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

APA YANG BERLAKU

PENGAUDITAN PERBELANJAAN

- **RM1.39 juta** bayaran peruntukan kepada Persatuan Kemahiran Wanita Kelantan dan Persatuan Kemahiran Wanita Cawangan untuk pelaksanaan program tidak dibelanjakan.
- **RM76,372** perbelanjaan program tidak dilaksanakan sebagaimana kelulusan permohonan.

PENGAUDITAN HASIL

- **RM26.36 juta** tunggakan hasil tidak dikutip sehingga tahun 2021.
- **RM4.32 juta** penalti/ta'widh tidak dikutip sehingga tahun 2021.
- **RM17,920** notis tuntutan tunggakan hasil sewaan tidak dikenakan caj.



RUMUSAN AUDIT

Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

- Perbelanjaan Program Pembangunan Keluarga dan Wanita kurang memuaskan kerana RM1.39 juta atau 38.2% daripada peruntukan yang diluluskan pembayaran tidak dibelanjakan untuk tujuan program.

Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan

- Kutipan sumbangan hasil Akaun Amanah dan penalti/ta'widh tidak dilaksanakan dengan teratur mengikut Perjanjian Pembangunan Tanah Ladang yang ditandatangani antara syarikat pemaju dan PPLRNK.

Majlis Daerah Pasir Mas

- Kegagalan mengutip tunggakan hasil sewaan premis disebabkan kelemahan pengurusan kutipan hasil MDPM.

**PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) TAHUN 2021 SIRI 2
MENGENAI AUDITAN KHAS PENGURUSAN HUTAN DAN IMPAK KEPADA ALAM SEKITAR,
AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGAUDITAN PEMATUHAN
JABATAN/AGENSI NEGERI KELANTAN**

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi buku LKAN Tahun 2021 Siri 2 mengenai Audit Khas Pengurusan Hutan dan Impak Kepada Alam Sekitar, Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Kelantan. LKAN ini melaporkan enam tajuk pengauditan, iaitu tiga tajuk berkaitan pengauditan prestasi dan tiga tajuk mengenai Pengauditan Pematuhan.

1.1 Pengauditan Prestasi

- a. Sebanyak tiga pengauditan prestasi telah dilaksanakan di lapan jabatan dan agensi. Daripada jumlah tersebut, sebanyak satu pengauditan melibatkan kategori projek iaitu Pembangunan Tanah Komersial Secara Usaha Sama oleh PBT. Dua pengauditan lagi melibatkan kategori program/aktiviti iaitu Pengurusan Hutan dan Impak Kepada Alam Sekitar serta Pengurusan Pemberimilikan Tanah Kerajaan.
- b. Sebanyak lapan jabatan dan agensi yang terlibat dalam pengauditan adalah seperti berikut:
 - i. Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan (JPNK)
 - ii. Pejabat Pengarah Tanah & Galian Negeri Kelantan (PTG)
 - iii. Pejabat Tanah & Jajahan Gua Musang (PTJGM)
 - iv. Pejabat Tanah & Jajahan Jeli (PTJJ)
 - v. Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP)
 - vi. Majlis Daerah Bachok (MDB)
 - vii. Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM)
 - viii. Majlis Daerah Tumpat (MDT)
- c. Bagi aspek penilaian pencapaian objektif/keberhasilan projek didapati ketiga-tiga projek/program/aktiviti tidak mencapai sepenuhnya objektif yang ditetapkan.
- d. Terdapat juga tunggakan hasil berjumlah RM22.34 juta melibatkan ketiga-tiga projek/program/aktiviti yang berisiko menyebabkan kehilangan hasil kepada Kerajaan sekiranya tindakan yang berkesan dan segera tidak diambil.

1.2 Pengauditan Pematuhan

- a. Pengauditan Pematuhan dilaksanakan terhadap dua bidang utama Audit seperti berikut:

- i. Pengauditan perbelanjaan telah dijalankan bagi Program Pembangunan Keluarga dan Wanita oleh Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Negeri Kelantan melibatkan Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri.
 - ii. Pengauditan hasil telah dijalankan terhadap sumbangan hasil projek Pengusahaan Program Ladang Rakyat Negeri Kelantan di Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan dan pengauditan kutipan hasil sewaan premis di Majlis Daerah Pasir Mas.
 - b. Penemuan Audit bagi pengauditan pematuhan perbelanjaan dan hasil adalah seperti berikut:
 - i. Pengauditan perbelanjaan yang dijalankan di Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri bagi Program Pembangunan Keluarga dan Wanita oleh Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Negeri Kelantan mendapati penemuan seperti berikut:
 - Bayaran peruntukan kepada Persatuan Kemahiran Wanita Kelantan dan Persatuan Kemahiran Wanita Cawangan untuk pelaksanaan program berjumlah RM1.39 juta tidak dibelanjakan.
 - Perbelanjaan tidak dilaksanakan sebagaimana kelulusan permohonan berjumlah RM76,372.
 - ii. Pengauditan hasil yang dijalankan di Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan dan Majlis Daerah Pasir Mas mendapati penemuan seperti berikut:
 - Tunggakan hasil berjumlah RM26.36 juta tidak dikutip melibatkan tunggakan sumbangan hasil Akaun Amanah Peserta Program Ladang Rakyat Negeri Kelantan sejumlah RM18.54 juta dan tunggakan sewaan premis Majlis Daerah Pasir Mas sejumlah RM7.82 juta.
 - Penalti/ta'widh sejumlah RM4.32 juta tidak dikutip oleh Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan.
 - Caj notis sejumlah RM17,920 bagi tuntutan hasil sewaan tertunggak tidak dikutip oleh Majlis Daerah Pasir Mas.
2. Keseluruhan syor yang diberikan oleh Ketua Audit Negara ialah 21 syor, iaitu 11 syor bagi pengauditan prestasi dan 10 syor bagi pengauditan pematuhan.